

## **KANDUNGAN**

<b><u>No</u></b>	<b><u>Perkara</u></b>	<b><u>Muka Surat</u></b>
1	Ahli Jawatankuasa K.P.P.I.T 2021/2023	2
2	Notis Mesyuarat Agung Kali Ke 30	3
3	Bacaan Doa & Harapan Kesatuan	4
4	Laporan Presiden	5 - 7
5	Laporan Setiausaha	8 - 9
6	Laporan Kewangan	10 – 20
7	Jumlah dan Pecahan Ahli K.P.P.I.T	21 – 22
8	Minit Mesyuarat Agung Kali Ke 29	23 – 29
9	Senarai Aktiviti-Aktiviti	30 - 41

# **AHLI JAWATANKUASA KERJA K.P.P.I.T SESSI 2021-2023**

	<p style="text-align: center;"> <b>KESATUAN PEKERJA PEKERJA INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN BHD</b>  <b>NO PENDAFTARAN : 668</b>  <b>P.O.BOX 52,BATU BERENDAM FREE TRADE ZONE 3, 75710,MELAKA</b>  <b>TEL:06-2357311/7312</b> </p>	
<b><u>AHLI JAWATANKUASA KERJA K.P.P.I.T SESI 2021-2023</u></b>		
	<p><b>PRESIDEN</b>  <b>JAUHAR BIN MOHD DAWI</b>  <i>(LPL)</i>          H/p: 017-3979476  <i>Jauhar.MohdDawi@infineon.com</i></p>	
	<p><b>NAIB PRESIDEN</b>  <b>MOHAMAD ZAINOR BIN NORASHID</b>  <i>(DEV)</i>          H/p: 012-6144175  <i>MohamadZainor.Norashid@infineon.com</i></p>	
	<p><b>BENDAHARI</b>  <b>M.HAZIMIN BIN MOHTAR</b>  <i>(SCC)</i>          H/p: 019-2802745  <i>Mhazimin.Mohtar@infineon.com</i></p>	
	<p><b>AHLI JAWATANKUASA</b>  <b>NORHISAMUDDIN BIN AB WAHAB (SCC)</b>  <i>(SCC)</i>          H/p: 019-3392665  <i>Norhisamuddin.AbWahab@infineon.com</i></p>	
	<p><b>AHLI JAWATANKUASA</b>  <b>MOHD ZAIDIN BIN DAUD</b>  <i>(PLT)</i>          H/p: 011-11374789  <i>Zaidin.Daud@infineon.com</i></p>	
	<p><b>AHLI JAWATANKUASA</b>  <b>MOHD FAWWAZ HILMI BIN HAMZAH</b>  <i>(SCC)</i>          H/p: 012-6819203  <i>MohdFawwazHilmi.Hamzah@infineon.com</i></p>	
<small>(Affiliated to the Malaysian Trade Union Congress (MTUC)        Wisma MTUC,10-5,Jalan USJ 9/5T,47620,Subang Jaya,Selangor,Malaysia        Tel: 603-8024 3717/2953/54/55 Fax :603-8024 3224/5 email:sgmtuc@gmail.com        WEBSITE : <a href="http://www.mtuc.org.my">www.mtuc.org.my</a></small>		

## NOTIS MESYUARAT AGUNG KALI KE 30/2023

Kepada : Semua Ahli Kesatuan yang dihormati,

### MESYUARAT AGUNG KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN BHD KALI KE 30

Merujuk kepada perkara di atas dengan segala hormatnya dimaklumkan kandungan agenda di dalam Mesyuarat itu adalah seperti di bawah :

<b>TARIKH</b>	<b>: 23 September 2023 (Sabtu)</b>
<b>MASA</b>	<b>: 4.30petang hingga 9.20malam</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>: Dewan Sek. Men. (A) Sultan Muhammad, Batu Berendam Melaka</b>

<u>No</u>	<u>Masa</u>	<u>Agenda</u>
1	4.30ptg-5.00ptg	Kedatangan & Pendaftaran Ahli
2	5.00ptg-5.10ptg	Kata-Kata Aluan oleh Pengurus Majlis – Sdra
3	5.10ptg-5.15ptg	Bacaan Doa oleh Sdra Khairul Azha
4	5.15ptg-5.40ptg	Ucapan Presiden K.P.P.I.T oleh Sdra Jauhar Mohd Dawi
5	5.40ptg-5.55ptg	Cabutan Bertuah 1 (25 Hadiyah)
6	5.55ptg-6.10ptg	Pembentangan Minit Mesyuarat Ke 29 oleh Setiausaha K.P.P.I.T Sdra Khairul Buang
7	6.10ptg-6.25ptg	Pembentangan Laporan Kewangan oleh Bendahari K.P.P.I.T Sdara Hazimin
8	6.25ptg-6.40ptg	Cabutan Bertuah 2 (25 Hadiyah)
9	6.40ptg-7.45mlm	Rehat dan Solat Magrib
10	7.45mlm-8.05ptg	Pembubaran AJK 2017/2019 & Perlantikan AJK 2019/2021
11	8.05mlm-8.20mlm	Cabutan Bertuah 3 (50 Hadiyah)
12	8.20mlm-9.00mlm	Pembahasan Usul-Usul
13	9.00mlm-9.10mlm	Cabutan Bertuah Utama (5 Hadiyah)
14	9.10mlm-9.20mlm	Ucapan Penangguhan
15	9.20mlm	Bersurai

Sekian Harap Maklum

Yang Benar



SETIAUSAHA

MOHD KHAIRUL BIN BUYANG @ BUANG

## **DOA DAN HARAPAN KESATUAN**

Ya ALLAH... Ya Tuhan Kami  
Pimpinlah kami ke jalan yang kau berkatii  
Wahai Tuhan kami

Tetapkanlah hati kami pada matlamat dan tujuan yang suci murni  
ini

Berikan kami pedoman dalam mencari jalan penyelesaian  
Berikan kami kesabaran dalam menghadapi pelbagai arus dugaan  
Berikan kami kasih sayang dalam menghadapi kerentak  
persengketaan

Berikan kami ketenangan dalam mencari arah tujuan  
Berikan kami kekuatan dalam menongkah ombak cabaran  
Berikan kami perpaduan dalam menghadapi apa jua keretakan

Wahai Tuhan yang maha pengasih lagi maha penyayang  
Jadikan hati-hati kami bersatu di dalam kesatuan  
Jadikan semangat kami jitu dalam perjuangan  
Jadikan kami ikhlas dalam menghulur bantuan  
Sesungguhnya tidaklah kami mengharap pujian  
Bukan jua ringgit apatah lagi sanjungan  
Hanya yang kami perjuangkan adalah KEBENARAN

Wahai Tuhan kami  
Berkatilah usaha kami, pimpinlah ketua-ketua kami  
Peliharalah Kesatuan kami  
Agar panji KEADILAN megah di bumi tercinta ini.

## **LAPORAN PRESIDEN K.P.P.I.T**

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera

Alhamdulillah segala puji bagi Allah pada tahun ini kita dapat berkumpul di dewan Sekolah Menengah Sultan Muhammad dan buat julung kalinya mesyuarat agong KPPIT boleh disertai dari ketiga-tiga syift. Oleh yang demikian kami mengharapkan mesyuarat agong kali yang ke 30 ini dapat dimanfaatkan secukupnya demi kebaikan KPPIT pada masa akan datang untuk mengorak langkah yang lebih mampan serta menjadikan mesyuarat agong sebagai medan muhasabah kepada kami sebagai pimpinan.

Dalam kesempatan ini saya selaku presiden ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada AJK KPPIT 2021-2023 yang berusaha keras walaupun usia sebenar mereka memegang jawatan hanyalah setahun 6 bulan tetapi mereka banyak melakukan reformasi dalam banyak perkara baik dari segi pentadbiran, CA, mahupun gerak kerja yang lebih efisyen. Saya amat berbangga pada seluruh AJK-AJK yang dapat berikan komitmen yang tinggi terhadap kerja-kerja yang telah diberikan. Dalam masa yang singkat ini juga kita juga mencapai KPI untuk mendapatkan penambahan keahlian dimana peningkatan keahlian daripada 5600 ahli kepada 6300 ahli. Terima kasih juga kepada ahli-ahli yang selama ini memberikan pandangan-pandangan, membuat aduan-aduan dan teguran terus dalam Telegram rasmi KPPIT. Sememangnya kami ingin melakukan reformasi dari segi maklumat yang telus dan ingin berhubung terus dengan ahli-ahli dengan lebih pantas.

Saudara saudari sekalian,

Selepas 3 dekad KPPIT wujud di Infineon atau pada mulanya Siemens Melaka berbagai cabaran dan perubahan telah berlaku baik dari segi pengurusan dan pembagunan syarikat yang semakin pesat sehingga memiliki 11 blok dan akan bertambah kepada 12 blok pada masa akan datang, sudah barang tentu banyak masalah dan tribulasi yang kita hadapi baik dari segi tekanan, tiada tindakan yang cepat, birokrasi antara pengurus yang menyebabkan tindakan penyelesaian sukar untuk di capai demi kebaikan ahli-ahli. Antara tekanan kuat pada masa ini adalah kes MiCare dimana kita telah bawa ke Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) agar ada penyelesaian segera dan memihak kepada kita. Setakat hari ini

kemungkinan besar kes ini akan ke Mahkamah Perusahaan dan kami bertekad untuk pastikan faedah ini mesti dipertahakan.

Justeru dalam kita tempuh perjalanan panjang ini KPPIT pada sesi 2021-2023 mengorak langkah kearah digitalisasi baik dari segi memberikan informasi, maklum balas serta aduan dan juga dari segi pentadbiran. Ini kita bagi memastikan ahli-ahli boleh berhubung secara terus kepada AJK agar dapat memastikan permasalahan yang berlaku oleh ahli-ahli dapat di atasi dengan pantas. Kami juga berusaha menjadikan ahli-ahli KPPIT diberikan kelebihan-kelebihan berbanding dengan bukan ahli baik dari segi bantuan dalaman dan juga faedah-faedah luaran seperti NHL proton, eye focus(kedai cermin mata) FV (kedai kasut) dan juga Hotel Grand Beach resort Port Dikson bawah Felda FIC. Faedah-faedah ini akan dipertingkatkan lagi agar kelebihan menjadi keahlian KPPIT melebihi dari sebelumnya.

Saudara-saudari sekalian,

Selepas kami diberikan amanah pada pertengahan tahun 2022, kerja pertama besar yang kita lakukan adalah CA. Alhamdulillah kami dapat sempurnakan dengan satu kejayaan besar di mana siling gaji telah naik sehingga rm300-rm600 untuk setiap level dimana sebelum ini dalam lingkungan rm100-rm150. Bukan sekadar siling, untuk CA salary adjustment kita dapat 7.38% untuk di berikan kepada pekerja-pekerja lama supaya ada perbezaan besar antara pekerja lama dan pekerja baru. Ini kita lakukan disebabkan pelaksanaan gaji minima yang tinggi. Antara peningkatan lain antaranya bayaran service award setiap peringkat tahun, bayaran claim insuran hospital kerajaan dari rm300 ke rm500, bayaran insuran Term life & Personal accident dari rm40k ke rm50k, pertambahan cuti belas ehsan dari 3 hari kepada 4 hari, penambahbaikan pembayaran gaji  $\frac{1}{4}$  semasa Prolong Illness pada 3 bulan terakhir dan banyak lagi faedah-faedah yang kami tingkatkan juga. Untuk makluman semua semasa perbincangan CA kami juga bersetuju dan tandatangan MOU atas 3 perkara yang penting juga dibincangkan selepas CA iaitu :

1. Solat Jumaat di dalam kilang terutama kepada pekerja syift.
2. Cuti sabbatical leave seperti mana kemudahan yang diberikan kepada eksekutif(cuti boleh di ambil selama 3 bulan)
3. Elaun khas untuk kedatangan.

3 MOU di atas 2 perkara kita sudah hampir 70%-90% untuk mencapai persetujuan dimana untuk solat Jumaat sudah di peringkat perbincangan bersama Head of Department manakala sabbatical leave hanya menunggu perbincangan bersama Jabatan Tenaga Buruh Putra Jaya.

Akhir kalam, saya selaku presiden KPPIT sesi 2021-2023 ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli yang semakin cakna kepada kesatuan yang kita wajib jaga agar kebajikan dan manfaat yang kita kecapi dikekalkan serta memberikan penambahbaikan setiap tahun dan penggal. Tiada ahli-ahli yang cakna kesatuan akan lemah longlai tiada perubahan yang akan berlaku. Slogan yang amat kuat perlu di pegang untuk kesatuan "Bersatu kita teguh, Bercerai kita roboh"

Yang Benar,



PRESIDEN

Jauhar Bin Mohd Dawi

## **LAPORAN SETIAUSAHA K.P.P.I.T**

### **Assalamualaikum w.b.t**

Salam sejahtera kepada semua warga Kesatuan Pekerja-Pekerja Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd. (K.P.P.I.T)

Syukur ke hadrat illahi dapat kita semua bertemu kembali didalam Mesyuarat Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Infineon Technologies (M) Sdn Bhd bagi sesi 2021/2023 kali ini.

Tahun ini sudah hampir 4 tahun wabak Covid-19 melanda negara kita dan sehingga kini kita masih lagi berwaspada walaupun SOP sudah longgar dan tiada lagi penjarakkan. Semoga semua ahli KPPIT berada didalam keadaan sihat dan sejahtera hendaknya.

Infineon Melaka kini semakin berkembang dengan pesat berikut dengan bertambahnya bangunan block 11 dan akan datang adalah block 12. Infineon Melaka juga sudah menjadi salah satu syarikat yang sangat besar di Melaka dan memiliki seramai lebih kurang 11,000 orang pekerja.

Terkini setakat bulan Jun 2023, jumlah keahlian Kesatuan KPPIT sudah melebihi dari 6223 orang ahli. Kekuatan sebuah Kesatuan juga terletak kepada ramai ahlinya. Oleh itu saya juga menyarankan agar ahli-ahli KPPIT sedia ada agar dapat menyeru dan mengajak rakan-rakan sekerja yang belum menjadi ahli KPPIT agar dapat menjadi ahli KPPIT yang berdaftar. Untuk pengetahuan, pihak Kesatuan juga sangat aktif untuk menjalankan aktiviti untuk ahli-ahli seperti yang kita jalankan untuk aktiviti World Cup, Seminar dan perasmian laman web KPPIT. Kita juga memberi jaket kepada ahli-ahli yang berkelayakan. Ini adalah untuk ahli-ahli Kesatuan sendiri supaya dapat merasa duit yuran yang mereka sendiri membayarnya setiap bulan. Akan datang kita akan mengadakan banyak lagi aktiviti-aktiviti untuk ahli-ahli KPPIT.

Pada akhir tahun 2022 yang lepas, kita telah berjaya menandatangani Perjanjian Bersama dengan pihak majikan beserta dengan faedah-faedah yang lebih baik daripada sebelumnya seperti kenaikan gaji yang tertinggi

iaitu 7.38%, tambahan Insuran Kematian, penambahan gaji mak yang tertinggi sepanjang CA untuk Global Grade serta tambahan bayaran untuk PIL bagi 3 bulan yang terakhir sebanyak  $\frac{1}{4}$  daripada gaji pokok. Ada banyak lagi tambahan faedah yang ada dalam CA yang ke 10 termasuk bayaran backpay. Ini juga adalah kejayaan terbesar dalam sejarah Kesatuan apabila pihak majikan bersetuju membayar % backpay termasuk kiraan OT kerana sebelum ini bayaran backpay hanya untuk kiraan gaji pokok sahaja. Pihak Kesatuan juga akan membuat persediaan awal untuk menambahbaikan CA yang ke 11 nanti. Harapan saya agar KPPIT akan terus disanjung dan disegani oleh semua Kesatuan yang lain dan akan terus berjuang untuk kepentingan ahli-ahli semua.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**BERSATU KITA TEGUH**  
Salam Solidariti



SETIAUSAHA  
MOHD KHAIRUL BIN BUYANG @ BUANG

## **LAPORAN KEWANGAN**


**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA  
INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.  
(NO. PENDAFTARAN : 668)**

**LAPORAN LEMBAGA  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2023**

Kami bagi pihak ahli Jawatankuasa KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD. mengesahkan bahawa pada sebaik pengetahuan dan kepercayaan kami, rekod perakaunan yang dikemukakan bersama-sama dengan maklumat dan penjelasan seperti dikehendaki oleh Juruaudit UMG CORPORATE CONSULTANTS SDN. BHD. (284911-M) memberi gambaran rekod yang benar dan betul. Kami membuat pengakuan bahawa akaun dari muka 4 hingga 11 diluluskan oleh kami.

  
PRESIDEN  
JAUHAR BIN MOHD DAWI

  
SETIAUSAHA  
MOHD KHAIRUL BIN BUYANG  
@ BUANG


  
BENDAHARI  
M. HAZIMIN BIN MOHTAR

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA  
INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
Nombor Pendaftaran: 668

**PENGAKUAN BERKANUN**

Saya, M. HAZIMIN BIN MOHTAR (No. K/P: 861204-30-5231), Bendahari yang bertanggungjawab ke atas urusan kewangan KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD. bagi tahun kewangan 31 Mac 2023 dengan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan serta nota-nota yang mengiringinya telah disediakan untuk Kesatuan adalah benar dan menurut syarat-syarat Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diikrar oleh yang tersebut  
di Melaka  
pada 15 SEP 2023

  
M. HAZIMIN BIN MOHTAR





**UMG CORPORATE CONSULTANTS SDN BHD**

No. Pendaftaran : 199301030172 (284911-M)  
Akauntan Bertauliah & Setiausaha Syarikat Berlesen

No. 8, Jalan TU 42, Taman Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06-232 9003, 232 9004, 232 8002, 232 8006 Faks : 06-232 8009  
Website : [www.umgcorp.com.my](http://www.umgcorp.com.my) Email : [info@umgcorp.com.my](mailto:info@umgcorp.com.my)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**

Nombor Pendaftaran: 668

**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2023**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 4 hingga 11 bagi KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.


Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan. Kewajipan kami adalah menyatakan pendapat kami diatas penyata kewangan berdasarkan kerja audit yang kami jalankan.

Kami melaksanakan pengauditian menurut Piawaian Pengauditian yang diluluskan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Piawaian ini menghendaki supaya kami merancang dan menjalankan audit bagi memperolehi semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu untuk memberi kami bukti yang mencukupi supaya kami berkeyakinan yang munasabah bahawa penyata kewangan adalah bebas dari kenyataan salah yang material. Pengauditian kami mengandungi pemeriksaan, secara berpilih, bukti yang relevan kepada amanah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Penguditian kami meliputi pertimbangan dasar perakaunan dan anggaran ketara yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan serta menilai kecukupan pendedahan bermaklumat di dalam penyata kewangan.

Kami percaya pengauditian kami menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami;

- (a) penyata kewangan yang telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah, adalah disusun dengan wajar menurut peruntukan undang-undang dan peraturan persatuan dan piawaian perakaunan yang berkaitan supaya memberi gambaran yang benar dan saksama kedudukan kewangan kesatuan pada 31 Mac 2023 dan penyata pendapatan dan perbelanjaan serta penyata penerimaan dan pembayaran tunai.
- (b) rekod akaun dan lain-lain rekod telah disimpan menurut undang-undang dan peraturan kesatuan.



Melaka  
Tarikh: 15 SEP 2023

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA**  
**INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
 (NO. PENDAFTARAN : 668)

**LEMBARAN IMBANGAN**  
**31 MAC 2023**

	Nota	2023	2022
		RM	RM
<b>Harta bukan semasa</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	3	<u>52,172.30</u>	<u>42,165.80</u>
		<u>52,172.30</u>	<u>42,165.80</u>
<b>Harta semasa</b>			
Deposit sewa dan utiliti		2,960.00	2,920.00
Simpanan tetap	4	222,676.01	220,144.83
Tunai di bank		<u>447,750.65</u>	<u>326,271.27</u>
		<u>673,386.66</u>	<u>549,336.10</u>
<b>Tanggungan semasa</b>			
Akruan	5	5,247.00	2,491.00
Harta semasa bersih		<u>668,139.66</u>	<u>546,845.10</u>
		<u>720,311.96</u>	<u>589,010.90</u>
<b>Jumlah dana</b>			
Baki pada 1 April		589,010.90	552,512.51
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan		131,301.06	36,498.39
Baki pada 31 Mac		<u>720,311.96</u>	<u>589,010.90</u>

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA**  
**INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
 (NO. PENDAFTARAN : 668)

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2023**

	2023	2022
	RM	RM
<b>Pendapatan</b>		
Faedah akaun simpanan tetap	3,031.18	2,488.12
Geran pembangunan Jheks	12,500.00	-
Hibah diterima	784.98	1,278.37
Yuran bulanan	<u>360,080.00</u>	<u>311,055.00</u>
	<u>376,396.16</u>	<u>314,821.49</u>
 <b>Tolak : Perbelanjaan</b>		
Alatulis, percetakan dan pos	2,848.00	819.00
Bayaran honorarium	-	2,700.00
Bayaran kursus dan seminar	760.00	50.00
Bayaran penceramah kursus	1,650.00	-
Bayaran perakaunan	950.00	850.00
Bayaran yuran MTUC	4,293.00	6,903.00
Baki di hantar ke hadapan	10,501.00	11,322.00

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA**  
**INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
 (NO. PENDAFTARAN : 668)

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (SAMBUNGAN)**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2023**

	2023	2022
	RM	RM
Baki di bawa dari hadapan	10,501.00	11,322.00
Belanja laman web kesatuan	7,500.00	-
Belanja mesyuarat agung	-	108,600.00
Belanja mesyuarat CA	24,790.00	12,680.00
Belanja pakaian seragam	1,955.00	-
Belanja pejabat kesatuan	6,396.00	4,250.00
Belanja penginapan	13,169.00	1,183.00
Belanja sewa pejabat	8,288.00	8,160.00
Belanja utiliti pejabat	1,586.00	952.00
Caj bank	10.00	0.70
Cenderahati dan hamper	6,500.00	2,000.00
Elaun ganti pampasan cuti	1,500.00	-
Elaun juruaudit dalaman	360.00	360.00
Elaun kursus dan mesyuarat	79,480.00	68,520.00
Elaun pegawai kesatuan	28,900.00	27,750.00
Elaun perjalanan	12,800.00	2,970.00
Ganjaran juruaudit	1,300.00	1,200.00
Makanan dan minuman	9,382.60	4,729.00
Sewa peralatan	725.00	-
Sumbangan korporat	3,000.00	-
Sumbangan wang ihsan kepada ahli	13,500.00	14,000.00
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	8,052.50	4,246.40
Telefon	5,400.00	5,400.00
	<hr/> <u>245,095.10</u>	<hr/> <u>278,323.10</u>
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan	<hr/> <u>131,301.06</u>	<hr/> <u>36,498.39</u>

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA**  
**INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
 (NO. PENDAFTARAN : 668)

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2023**

	2023	2022
	RM	RM
<b>BAKI PADA 1 APRIL</b>		
Tunai di bank	326,271.27	288,014.60
<b>PENERIMAAN</b>		
Faedah akaun simpanan tetap	500.00	-
Geran pembangunan Jheks	12,500.00	-
Hibah diterima	784.98	1,278.37
Yuran bulanan ahli	<u>360,080.00</u>	<u>311,055.00</u>
	<u>373,864.98</u>	<u>312,333.37</u>
	700,136.25	600,347.97
<b>Tolak : PEMBAYARAN</b>		
Alatulis, percetakan dan pos	2,342.00	819.00
Bayaran honorarium	-	2,700.00
Bayaran kursus dan seminar	760.00	50.00
Bayaran penceramah kursus	1,650.00	-
Bayaran perakaunan	-	850.00
Bayaran yuran MTUC	4,293.00	6,903.00
Belanja laman web kesatuan	7,500.00	-
Belanja mesyuarat agung	-	108,600.00
Belanja mesyuarat CA	24,790.00	12,680.00
Belanja pakaian seragam	1,955.00	-
Belanja pejabat kesatuan	6,396.00	4,250.00
Belanja penginapan	13,169.00	1,183.00
 Baki di hantar ke hadapan	 62,855.00	 138,035.00

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA**  
**INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
 (NO. PENDAFTARAN : 668)

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN (SAMBUNGAN)**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2023**

	2023	2022
	RM	RM
Baki di bawa dari hadapan	62,855.00	138,035.00
Belanja sewa pejabat	8,288.00	8,160.00
Belanja utiliti pejabat	1,586.00	952.00
Caj bank	10.00	0.70
Cenderahati dan hamper	6,500.00	2,000.00
Deposit sewa dan utiliti	40.00	-
Elaun ganti pampasan cuti	1,500.00	-
Elaun juruaudit dalaman	360.00	360.00
Elaun kursus dan mesyuarat	79,480.00	68,520.00
Elaun pegawai kesatuan	28,900.00	27,750.00
Elaun perjalanan	12,800.00	2,970.00
Ganjaran juruaudit	-	1,200.00
Makanan dan minuman	9,382.60	4,729.00
Pembelian hartaanah, loji dan peralatan	18,059.00	-
Sewa peralatan	725.00	-
Simpanan tetap	-	-
Sumbangan korporat	3,000.00	-
Sumbangan wang ihsan kepada ahli	13,500.00	14,000.00
Telefon	5,400.00	5,400.00
	<u>252,385.60</u>	<u>274,076.70</u>
	<u>447,750.65</u>	<u>326,271.27</u>
<b>BAKI PADA 31 MAC</b>		
Baki di bank	<u>447,750.65</u>	<u>326,271.27</u>

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA  
INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
(NO. PENDAFTARAN : 668)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
31 MAC 2023

**1. Tujuan Kesatuan**

Kesatuan adalah ditubuhkan untuk memajukan kepentingan ahlinya dalam hal berkaitan dengan perusahaan, kemasyarakatan dan pengetahuan.

**2. Asas Perakaunan**

- (a) Akaun telah di sediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah, dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.
- (b) Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan

Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus nilai asset yang boleh susut dalam anggaran jangka hayat kegunaan. Kadar tahunan yang digunakan untuk ini adalah :-

Alat perabot	10%
Komputer	40%
Kelengkapan pejabat	10%
Ubahsuai	2%

- (c) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan adalah diambil kira di dalam akaun mengikut dasar tunai.

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA**  
**INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**  
 (NO. PENDAFTARAN : 668)

**3. Hartanah, loji dan peralatan**

	<b>Kos</b>		
	Pada 1.4.2022 RM	Tambahan RM	Pada 31.3.2023 RM
Alat perabot	30,853.00	-	30,853.00
Komputer	21,883.00	7,100.00	28,983.00
Kelengkapan pejabat	21,005.00	10,959.00	31,964.00
Ubahsuai	<u>12,550.00</u>	-	<u>12,550.00</u>
	<u>86,291.00</u>	<u>18,059.00</u>	<u>104,350.00</u>

	<b>Susutnilai Terkumpul</b>			<b>Nilai Buku Bersih</b>	
	Pada 1.4.2022 RM	Susutnilai dikenakan pada tahun Kewangan RM	Pada 31.3.2023 RM	Pada 31.3.2023 RM	Pada 31.3.2022 RM
Alat perabot	10,471.00	2,547.50	13,018.50	17,834.50	20,382.00
Komputer	21,757.00	2,957.00	24,714.00	4,269.00	126.00
Kelengkapan pejabat	11,395.20	2,297.00	13,692.20	18,271.80	9,609.80
Ubahsuai	<u>502.00</u>	<u>251.00</u>	<u>753.00</u>	<u>11,797.00</u>	<u>12,048.00</u>
	<u>44,125.20</u>	<u>8,052.50</u>	<u>52,177.70</u>	<u>52,172.30</u>	<u>42,165.80</u>

**4. Simpanan tetap**

	2023 RM	2022 RM
Term Deposit-i BSN (No. Akaun : 0410016000114136)	70,665.66	69,144.48
BSN Myfortune (No. Akaun : 0314824391300012)	102,010.35	101,000.35
BSN Myfortune (No. Akaun : 0314824391300020)	<u>50,000.00</u>	<u>50,000.00</u>
	<u>222,676.01</u>	<u>220,144.83</u>

## 5. Pelbagai pembiayaan dan akruan

	2023	2022
	RM	RM
Alatulis, percetakan dan pos	947.00	441.00
Bayaran perakaunan	1,800.00	850.00
Ganjaran juruaudit	2,500.00	1,200.00
	<u>5,247.00</u>	<u>2,491.00</u>


## 6. Angka perbandingan

Sebahagian dari angka-angka perbandingan telah disusun semula di mana perlu untuk disesuaikan dengan persembahan semasa penyata kewangan ini.

**ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN**  
**KEWANGAN BERMULA PADA 01HB APRIL 2023**  
**HINGGA 31 MAC 2025**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	Elaun Telefon – Presiden, Setiausaha & Bendahari	10,800.00
2	Elaun Ahli Jawatankuasa Kerja	58,800.00
3	Perbelanjaan Alat Tulis	3,000.00
4	Perbelanjaan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja	10,000.00
5	Perbelanjaan Sumbangan Wang Ikhsan	30,000.00
6	Perbelanjaan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan	100,000.00
7	Bayaran Juruaudit Dalaman	960.00
8	Bayaran Juruaudit Luaran	5,000.00
9	Perbelanjaan Kursus, Seminar dan lain-lain	60,000.00
10	Bayaran Yuran Gabungan (MTUC)	13,000.00
11	Sewa Dan Bayaran Utiliti Bangunan	21,600.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>313,160.00</b>

Laporan Disediakan Oleh :-

  
 BENDAHARI  
 M. HAZIMIN BIN MOHTAR

Laporan Disahkan Oleh :-


  
 PRESIDEN  
 JAUHAR BIN MOHD DAWI

  
 SETIAUSAHA  
 MOHD KHAIRUL BIN BUYANG  
 @ BUANG

## **JUMLAH DAN PECAHAN AHLI K.P.P.I.T SEPERTI PADA 31 MAC 2023**



**Pecahan Ahli KPPIT Mengikut Bangsa Dan Jantina  
( Seperti pada 31 Mac 2023 )**



## MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN KALI KE 29

Tarikh : 26hb Mac 2022

### AGENDA

- |   |                          |
|---|--------------------------|
| <b>1.0 Kata-kata Aluan Oleh Pengerusi Majlis</b>                    |                          |
| <b>2.0 Ucapan Presiden</b>  |                          |
| <b>3.0 Cabutan Bertuah 1 (15 Hadiah)</b>                            |                          |
| <b>4.0 Pembentangan Penubuhan Koperasi</b>                          | <b>Oleh : Jauhar</b>     |
| <b>5.0 Cabutan Bertuah 2 (15 Hadiah)</b>                            |                          |
| <b>6.0 Pembentangan Minit Mesyuarat Ke 28 &amp; Kelulusan Usul</b>  |                          |
| <b>Mesyuarat Agung Dwi Tahunan</b>                                  | <b>Oleh : Setiausaha</b> |
| <b>7.0 Cabutan Bertuah 3 (15 Hadiah)</b>                            |                          |
| <b>8.0 Pembentangan Laporan Kewangan &amp; Belanjawan 2020/2021</b> | <b>Oleh : Bendahari</b>  |
| <b>9.0 Cabutan Bertuah 4 (15 Hadiah)</b>                            |                          |
| <b>10.0 Perlantikan Jemaah Pemeriksa Undi</b>                       |                          |
| <b>11.0 Pengiraan Kertas Undi</b>                                   |                          |
| <b>12.0 Pembubaran AJK 2019/2021</b>                                |                          |
| <b>13.0 Keputusan Bagi Pemilihan AJK 2021/2023</b>                  |                          |
| <b>14.0 Perlantikan AJK 2021/2023</b>                               |                          |
| <b>15.0 Perlantikan Juruaudit Dalaman</b>                           |                          |
| <b>16.0 Pembentangan Usul</b>                                       |                          |
| <b>17.0 Lain-lain Hal</b>   |                          |
| <b>18.0 Cabutan Bertuah 5 (15 Hadiah)</b>                           |                          |
| <b>19.0 Ucapan Penangguhan</b>                                      |                          |

### KEHADIRAN

**KEHADIRAN AHLI-AHLI KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INFINEON TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.**

(Jumlah kehadiran ahli – 362 orang)

## 1.0 KATA-KATA ALUAN OLEH PENGERUSI MAJLIS

Mesyuarat ini dikendalikan oleh pengurus majlis saudara Shari Yusni bin Sharif. Pengurus Majlis mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung K.P.P.I.T Kali Ke – 29. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh AJK dan ahli-ahli yang hadir dalam mesyuarat pada kali ini amat dihargai. Pengurus majlis berharap agar semua ahli mesyuarat yang hadir dapat memberikan kerjasama yang baik agar perjalanan mesyuarat tidak terganggu. Beliau juga berharap agar semua ahli dapat menjaga kebersihan di dalam dewan ini.

## 2.0 UCAPAN PRESIDEN

Presiden, saudara Azli bin Abd Aziz mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh ahli yang hadir kerana sanggup datang ke Mesyuarat Agung K.P.P.I.T pada kali ini walaupun melalui perjalanan yang jauh dari tempat bertugas. Keadaan ini menunjukkan komitmen yang tinggi daripada ahli demi memelihara serta menambahbaik nasib pekerja.

Presiden memberitahu bahawa Kesatuan telah lama bertapak di Infineon. Mesyuarat Agung kali ini adalah Mesyuarat Agung tertunda kerana korum tidak mencukupi semasa Mesyuarat Agung yang lepas. Untuk Mesyuarat Agung Tertunda, sekiranya korum masih lagi tidak mencukupi, Mesyuarat Agung tersebut masih boleh dijalankan tetapi usul-usul berkaitan dengan perubahan Peraturan Kesatuan tidak boleh dibentangkan dan dibahaskan.

Presiden juga ada memberitahu bahawa pada tanggal 18hb Mac 2020, terjadinya isu yang paling besar iaitu isu Covid. Sepanjang tahun 2020 dan 2021, banyak cabaran daripada majikan serta pekerja berkaitan dengan isu Covid. Presiden mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua AMK yang sentiasa bekerjasama dengan beliau sepanjang menghadapi cabaran tersebut. Sebagai contoh semasa permulaan PKP, pihak majikan telah memanggil pihak Kesatuan untuk membantu bagi menjalankan operasi. Hasil perbincangan antara majikan dan Bersama dengan Kesatuan daripada LO, beberapa kumpulan pekerja yang sudi membantu pihak majikan untuk menjalankan operasi secara sukarela dengan elau sebanyak RM 250.00 sehari. Alhamdulillah, sekarang kita sudah menjalani kehidupan harian secara normal. Walaupun masih takut tetapi kita tetap akan teruskan aktiviti seharian. Kalau ikut info terbaru berkenaan dengan SOP, kita sudah dibenarkan menjalankan aktiviti secara rapat-rapat bermula pada 1hb April 2022. Untuk surau di Infineon, pekerja sudah boleh mengerjakan solat secara rapat-rapat. Cuma di kawasana merokok dan di kantin sahaja masih dalam perbincangan.

Berkenaan dengan isu shift pattern 2S2C, hampir setahun pihak majikan berbincang dengan pihak Kesatuan bagi menjalankan shift pattern tersebut. Walaupun ada pihak yang tidak berpuas hati, namun shift tersebut terpaksa dijalankan tetapi ianya dijalankan tanpa ada paksaan. Tetapi apa yang menyedihkan, ada penyampaian daripada pihak atasan terutama daripada Engineer atau Executive yang salah menyampaikan maklumat kepada pekerja-pekerja. Presiden juga menerangkan berkenaan dengan isu kantin. Banyak aduan telah diajukan terutama kes Ledco tetapi masih tiada tindakan kerana masih dalam kontrak. Pihak Kesatuan ada melakukan satu aduan yang keras dan tegas apabila seramai 150 orang pekerja telah mengalami keracunan

makanan daripada makanan Ledco. Atas desakan pihak Kesatuan akhirnya Ledco ditamatkan kontrak untuk menyediakan makanan tetapi kedai serbaneka masih lagi boleh dijalankan sehingga kontrak tamat.

